

Pusat prihatin isu rumah anak FELDA

PM jamin 'kubu kuat orang Melayu' terus dimajukan dengan pelbagai aktiviti ekonomi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Faizul Azlan Razak
bhnews@bh.com.my

Chukai: Masalah perumahan generasi kedua dan ketiga FELDA akan diberi keutamaan dan perhatian oleh kerajaan Persekutuan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketika memberi jaminan berkenaan, Perdana Menteri berkata, perancangan kerajaan bukan sahaja membabitkan isu perumahan, malah merangkumi semua perkara, termasuk pendidikan dan pembangunan.

Katanya, kerajaan akan terus mengangkat martabat FELDA sebagai 'kubu kuat orang Melayu' melalui pelbagai program penajaan ekonomi untuk masyarakat itu.

"Banyak cerita kita dengar mengenai FELDA, kita akan sedaya upaya kita bawa perubahan ke arah kebaikan," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Ramah Mesra Bersama Komuniti FELDA dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) di Dewan Sivik FELDA

Seberang Tayor, di sini malam kelmarin.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memaklumkan, ketika ini, beberapa usaha sudah dilakukan kerajaan Persekutuan untuk masyarakat FELDA dan desa, termasuk memasang internet di beberapa kawasan perkampungan Orang Asli.

"Kita tambah kemudahan, terutamanya soal digital sebab perkara itu perlu, terutama untuk anak-anak bersekolah. Jadi yang belum selesai adalah perumahan generasi kedua dan ketiga (FELDA)," katanya.

Bagi komuniti FELDA di sini, jaminan Perdana Menteri itu memberi harapan baharu kepada mereka, terutama yang rumah sedia ada sering terjejas banjir ketika musim tengkujuh.

Generasi kedua peneroka FELDA Seberang Tayor, Zaini Mohd Ariffin, 58, yang menetap di kawasan rancangan tanah terbabit sejak berusia dua tahun, bersyukur dan gembira dengan jaminan diberikan Perdana Menteri.

"Kawasan rumah saya paling terjejas ketika banjir kerana terletak di bahagian rendah.

"Jadi, saya sangat gembira dengan jaminan Perdana Menteri sebab memang sudah lama tunggu untuk memiliki rumah di kawasan tidak terjejas banjir, kalau boleh di kawasan tinggi," katanya yang dipersetujui seorang lagi generasi kedua FELDA sama,

Fakruddin Mamat, 37.

"Sebelum ini, projek perumahan memang sudah dilaksanakan, namun kawasannya terjejas banjir, jadi projek terpaksa dihentikan. Kami harap ia dapat dilaksanakan kembali kerana generasi kedua memang memerlukan kemudahan berkenaan," kata Fakruddin.

Bagi Nur Ariffah Zakaria, 26, yang bersama suami menetap di rumah bapanya, mengakui besar harapannya jika mendapat peluang memiliki kediaman sendiri kerana suaminya juga kini menjadi peneroka di kawasan FELDA sama.

"Kami juga impikan rumah sendiri kerana di FELDA, tak boleh mohon atau bina rumah lain seperti Rumah Mesra Rakyat," katanya yang turut berniaga kecil-kecilan bagi menampung perbelanjaan keluarga.

Di **Kuala Terengganu**, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar ketika sesi penggulangan perbahasan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) semalam, berkata kerajaan negeri juga menyambut baik jaminan Perdana Menteri dan berterima kasih kepada kerajaan Persekutuan.

"Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang mengumumkan untuk memberi keutamaan menyelesaikan isu perumahan generasi kedua dan ketiga FELDA di Terengganu," katanya.